

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 March 2016

PM puji pengurusan Tesco

um - 17/3/2016

KUALA LUMPUR 16 Mac -Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini memuji pihak pengurusan Tesco Bukit Mertajam yang menawarkan pekerjaan kepada seorang lelaki yang ditangkap mencuri di pasar raya berkenaan.

“Saya terbaca mengenai kisah kecurian di Tesco Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang membatibatkan seorang bapa dengan tiga anak kecil yang perlukan makanan manakala isterinya terlantar sakit di unit rawatan rapi.

“Walaupun mencuri itu satu kesalahan dari segi undang-undang, tetapi cara bagaimana pihak pengurusan Tesco Bukit Mertajam mengendalikan kejadian tersebut, dengan menawarkan bapa tadi untuk bekerja dengan mereka, haruslah dipuji,” katanya menerusi blog rasminya *NajibRazak.com* hari ini.

Semalam, sebuah akhbar tempatan melaporkan, seorang lelaki berusia 31 tahun didapati telah mencuri beberapa barangan makanan bernilai RM27 dari Tesco di Alma, Bukit Mertajam, kerana anak-anaknya kelaparan dan dia tidak mempunyai wang.

Pengurus pasar raya besar itu, Radzuan Ma’asan dipetik sebagai berkata, lelaki berkenaan didapati benar-benar miskin apabila pihaknya menyiasat insiden yang berlaku minggu lalu itu.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mengingatkan rakyat bahawa terdapat pelbagai saluran lain untuk mendapatkan bantuan dan mencari rezeki yang halal.

“Salah satunya adalah dengan menghubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan bagi yang beragama Islam pula, anda bolehlah menghubungi cawangan Lembaga Zakat negeri untuk mendapatkan bantuan,” kata Perdana Menteri.